

24 JAN 2003

HALIM-LANTIKAN/I

ABDUL HALIM DILANTIK SEMULA SEBAGAI PENERUSI KWSP UNTUK DUA TAHUN LAGI

KUALA LUMPUR, 24 Jan (Bernama) -- Tempoh perkhidmatan Tan Sri Abdul Halim Ali sebagai pengerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan pengerusi Panel Pelaburan KWSP dilanjutkan selama dua tahun lagi mulai 1 Februari, 2003.

Beliau dilantik ke jawatan tersebut buat kali pertamanya pada 1 Februari, 2001 bagi tempoh selama dua tahun yang berakhir pada 31 Januari, 2003.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini, Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaludin bin Mohd Jarjis, berkata bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan, telah bersetuju dengan pelantikan semula Abdul Halim bagi tempoh tersebut yang berakhir pada 31 Januari, 2005. -- BERNAMA

MR MKO KY ZK